



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor **BUMIPUTERA** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
<u>Tajuk Projek:</u> CADANGAN KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR UTAMA SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN GAPI 2B DAN PERSIARAN GAPI 1, ANTARA GAPI, DAERAH HULU SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN. <u>No. Kontrak :</u> PKNS/UPAG/IU-2B/KON-1/2026	<u>CIDB :</u> Gred G4 & G5 Kategori : CE Pengkhususan : CE01 & CE21 Deposit Tender : RM 5,000.00	<u>LAMAN WEB :</u> https://pms.pkns.gov.my/tenders <u>Pada :</u> 21 Ogos 2026 hingga 28 Ogos 2026 <u>Jam:</u> 9:00 Pagi hingga 4:00 Petang	15 September 2026 (Selasa) Jam 12:00 Tengah Hari

1. Keutamaan diberikan sekiranya petender / syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-

- i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
- ii) Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MS ISO 45001:2018)
- iii) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001 : 2015)

(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender / tawaran)

2. **LAWATAN TAPAK (Wajib)** akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 20 Ogos 2026 (Khamis)
Masa : 10:30 am
Lokasi Taklimat : Pejabat Pembangunan Antara Gapi, No 8 Jalan Gapi 1A/2
Antara Gapi, 48200 Serendah, Selangor Darul Ehsan
(3.422336, 101.630659) - koordinat

Lokasi Tapak : 3.419981, 101.630659 - koordinat

3. Syarikat yang berminat juga **WAJIB** memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
- a. Mempunyai Modal Kewangan sekurang-kurangnya **RM250,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja)**;
 - b. Mempunyai pengalaman kerja sebanding/serupa kerja-kerja infrastruktur.
 - c. Status syarikat tidak disenaraihitam atau dikenakan sebarang **Tindakan Tatatertib oleh CIDB**.
 - d. Mengemukakan **Deposit Tender** dalam bentuk **Banker's Cheque/Draf Bank** daripada bank yang berdaftar di Malaysia sahaja (**Perlu dihantar semasa tarikh tutup peti tender**).
4. **Pemanggilan tender** bagi projek ini akan menggunakan **Sistem Pemantauan Projek** atau '**Project Monitoring System**' (**PMS**) bagi urusan pendaftaran syarikat, pengisian Dokumen Tender dan penghantaran tawaran harga. Sila layari **pms.pkns.gov.my** untuk urusan pendaftaran syarikat. Tiada bayaran dikenakan bagi pendaftaran syarikat di dalam PMS.
5. Mengemukakan **Deposit Tender** bernilai **RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu dalam bentuk Banker's Cheque/Draf Bank** daripada bank yang berdaftar di Malaysia sahaja di atas nama **Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor** (Perlu dihantar semasa tarikh tutup peti tender). **Kegagalan dalam mengemukakan Deposit Tender akan menyebabkan Tawaran Syarikat Ditolak.**
6. Dokumen Tender (PMS) akan dijual pada harga **RM150.00** (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Lima Puluh Sahaja) (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Bayaran pembelian dokumen tender boleh dibuat melalui sistem 'Project Monitoring System' (PMS).
7. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula 11 Ogos 2026.
8. Syarikat harus memastikan akaun yang didaftarkan di dalam sistem PMS mempunyai kod bidang yang didaftarkan di dalam Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB). Kegagalan untuk melengkapkan maklumat pada akaun akan menyebabkan kegagalan untuk membeli Dokumen.
9. Petender dinasihatkan untuk membaca dengan teliti Senarai Semak dan Perakuan Tender di dalam Dokumen Tender dan memahami kehendak Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender.
10. Penyerahan Dokumen Tender **WAJIB** dibuat melalui '**Project Monitoring System**' (**PMS**) dan **Penyerahan Fizikal Di Dalam Peti Tender** seperti berikut:-
- a) **Project Monitoring System (PMS)**
- i. Dokumen Sokongan (Wajib) hendaklah diisi dan dimuat naik ke dalam PMS. Kegagalan memuat naik dokumen yang diwajibkan ke dalam PMS akan menyebabkan Dokumen Tender tidak lengkap dan tawaran harga **DITOLAK**.
 - ii. Penyerahan tender melalui PMS hendaklah dibuat pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

b) Penyerahan Fizikal

- iii. Dokumen Wajib yang perlu diserahkan di dalam **Dua Envelope** 'VOLUME 1 OF 2' dan 'VOLUME 2 OF 2' secara **FIZIKAL** adalah seperti berikut:

i) 'VOLUME 1 OF 2'

1. "Declaration Of Integrity".
2. "Banker's Cheque/Draf Bank" Deposit Tender (RM 5,000.00)


ii) 'VOLUME 2 OF 2'

3. "Form of Tender";
4. "Tender Summary" / "Summary of Tender";

- iv. Dokumen Wajib yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender pada tarikh dan masa tender ditutup seperti yang telah ditetapkan di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS,
NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-5525 0300 ext : 1491
<http://etender.pkns.gov.my>

11. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.


MOHAMMAD FAKARUDDIN BIN FUAD
Penolong Pengurus Kanan
Bahagian Perolehan
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor